



UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

**GRADUATE SUCCESS ATTRIBUTES
(UHMT1012-SECTION 9)**

TASK 4

**REFLEKSI
BAJET 2021**

NAME : LIM HUI YEE
MATRIC NUMBER : A20BE0100
TELEPHONE NUMBER : 013-6971991
YEAR : 1SBEHH
NAME OF LECTURER : DR. SYAMSUL HENDRA BIN MAHMUD

Refleksi Bajet 2021

Seperti yang dikemukakan, belanjawan 2021 adalah bertema “teguh kita, menang bersama” dan mempunyai tiga matlamat utama iaitu Kesejahteraan Rakyat, Kelangsungan Perniagaan dan Ketahanan Ekonomi.

Melalui bajet tersebut, kebajikan rakyat dan masyarakat adalah diutamakan dengan memperolehi bantuan kewangan iaitu Bantuan Prihatin Rakyat (BPR) daripada kerajaan. Seperti yang diumumkan, isi rumah yang berpendapatan kurang daripada RM2500 sebulan akan diberi bantuan sebanyak RM1200 atau RM1800, bagi isi rumah yang berpendapatan antara RM2501 hingga RM4000 akan diberi bantuan sebanyak RM800 atau RM1200 dan isi rumah yang berpendapatan antara RM4001 hingga RM5000 akan memperolehi bantuan sebanyak RM500 atau RM750 bergantung kepada bilangan anak iaitu satu atau dua orang dan ke atas. Insentif ini dapat membantu dalam mengurangkan beban rakyat dalam kehidupan terutamanya bagi golongan yang berpendapatan rendah (B40) untuk menampung perbelanjaan harian sewaktu menghadapi pandemik covid-19. Saya berasa tumpuan kerajaan adalah lebih kepada golongan B40 walaupun bantuan kewangan juga disediakan kepada golongan yang berpendapatan sederhana (M40) dan golongan berpendapatan tinggi (T40) tetapi dengan amaun bantuan yang rendah. Oleh itu, keadaan ini mungkin menyebabkan golongan rakyat M40 dan T40 diabaikan.

Bagi bidang ekonomi, keputusan belanjawan 2021 menunjukkan bahawa terdapat sebanyak RM 3.7 bilion disalurkan untuk Skim Jaminan Penajaan Pekerjaan (JanaKerja) bagi mengurangkan kadar pengangguran dalam negara. Hal ini dapat membantu rakyat untuk memperoleh pekerjaan kerana skim ini melibatkan penyediaan sebanyak 500 000 peluang pekerjaan baharu kepada masyarakat. Skim ini juga membekalkan pelbagai latihan yang membantu dalam peningkatan kemahiran pekerja. Dengan ini, rakyat dapat memperoleh jaminan supaya tidak menghadapi masalah tiada pekerjaan pada tahun depan.

Selain itu, bajet 2021 menyediakan bantuan kewangan sebanyak RM50 juta dan penempatan seramai 8000 pekerja syarikat penerbangan untuk latihan semula bagi syarikat penerbangan. Pada pendapat saya, insentif ini memang membawa faedah kepada bidang penerbangan. Syarikat penerbangan harus diutamakan kerana jika

industri penerbangan dapat beroperasi dengan lancar dan baik secara berterusan, ia dapat membantu meningkatkan kegiatan sektor pelancongan yang menyumbang sebahagian besar pendapatan kepada negara. Walau bagaimanapun, insentif tersebut adalah tidak berkesan untuk mengekalkan perkhidmatan penerbangan kerana dengan amaun bantuan yang kurang mencukupi.

Seterusnya, terdapat sebanyak RM50.4 bilion diperuntukkan untuk bidang pendidikan dan daripada jumlah tersebut, terdapat RM14.4 bilion diperuntukkan untuk Kementerian Pengajian Tinggi. Jumlah wang tersebut digunakan untuk penambahbaikan infrastruktur universiti, menyediakan skim pinjaman komputer riba, meningkatkan taraf akses MYREN dan sebagainya. Perkara ini memang mendatangkan banyak manfaat kepada para mahasiswa kerana mereka dapat menikmati perkhidmatan yang lebih baik dan memperoleh tempat pembelajaran yang kondusif dan selesa. Namun, terdapat kekurangan kerana tiada sebarang bantuan tambahan dibekalkan kepada para mahasiswa. Contohnya, tiada insentif seperti baucar buku dan Kad Prihatin Siswa di mana boleh menawarkan diskaun-diskaun kepada mahasiswa semasa membeli alat tulis dan buku rujukan. Bantuan tersebut adalah lebih tertumpu kepada aspek infrastruktur dan teknologi. Oleh itu, keadaan tersebut mungkin masih tidak dapat membantu untuk mengurangkan beban para mahasiswa kerana kekurangan bantuan dari segi kewangan terutamanya pada masa pandemik covid-19 ini.

Bagi pembangunan dalam negara, banyak kewangan iaitu sebanyak RM15 bilion diperuntukkan dalam bidang projek pembangunan seperti pembangunan infrastruktur, projek pembangunan pengangkutan dan projek penyaluran air mentah. Projek-projek pembangunan perlu diutamakan bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan dan membangunkan ekonomi negara kami agar mencapai kemajuan negara. Teknologi yang semakin berkembang pesat pada masa kini juga memaksa sesebuah negara itu sentiasa memperbaiki dan menambahbaik taraf infrastruktur supaya mampu memenuhi keperluan masyarakat meningkatkan daya saing negara. Rakyat turut dapat menikmati kehidupan yang lebih baik pada masa yang akan datang berbanding dengan beberapa tahun yang lalu. Kerajaan juga membekalkan RM315 juta untuk membina 3000 Rumah Mesra Rakyat (RMR) yang bertujuan untuk membantu golongan berpendapatan rendah atau rakyat yang tidak mempunyai rumah bagi membina rumah sendiri supaya menjamin kesejahteraan hidup. Program tersebut dapat membantu untuk meningkatkan taraf hidup para penduduk yang miskin dan kebajikan mereka dapat dijaga.

Dalam belanjawan 2021 ini, kebanyakan rakyat dapat memperoleh manfaat yang maksimum untuk meneruskan kehidupan pada masa yang akan datang bagi mengatasi masalah kewangan dalam situasi panik, iaitu penularan penyakit Covid-19 tersebut yang mengganggu kesejahteraan hidup masyarakat. Namun begitu, terdapat kekurangan perhatian dan bantuan terhadap golongan-golongan seperti mahasiswa, Orang Kurang Upaya (OKU) dan orang asli yang menyebabkan mereka mungkin kurang puas hati terhadap rancangan kewangan ini.